

TARIKH : 20 JUN 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 23
SURAT

Majikan sektor pembuatan tawar gaji adil

BH Isnin, 23 Jun 2025

Bisnes

23

Majikan sektor pembuatan tawar gaji adil



Industri berdepan kekurangan tenaga kerja ketara walaupun kadar upah terus meningkat

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Purata gaji dalam sektor pembuatan yang meningkat kepada RM3,460 sebuah seperti dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) membuktikan bahawa majikan dalam sektor itu

menawarkan imbuhan yang adil, sekali gus menolak dakwaan bahawa pekerja dibayar gaji rendah, demikian menurut Persekutuan Pengilangan Malaysia (FMM).

Presiden FMM, Tan Sri Soh Thian Lai, berkata data itu jelas menunjukkan bahawa gaji sektor pembuatan di Malaysia adalah kompetitif dan terus meningkat secara berterusan.

"Walaupun tahap gaji adalah kompetitif, sektor pembuatan terus berdepan kekurangan tenaga kerja yang ketara, terutama dalam pekerjaan kategori 3D (kotor, berbahaya, dan sukar).

"Pengambilan pekerja asing bukanlah bertujuan untuk menggantikan kos tetapi kerana memerlukan nilai daripada pekerja tempatan untuk mengisi jawatan terbabit," katanya dalam sa-

tu kenyataan.

Thian Lai berkata, FMM bagaimanapun menegaskan bahawa pekerja tempatan tidak digantikan oleh pekerja asing yang lebih murah.

Sebaliknya, beliau berkata pengambilan pekerja asing melibatkan kos yang tinggi dan pematuan kepada pelbagai peraturan.

Tambahan pula, katanya walaupun gaji yang ditawarkan melebihi gaji minimum nasional, banyak jawatan ini masih tidak menarik minat pencari kerja tempatan.

"Walaupun pengilang sedang melabur dengan banyak dalam automasi dan pendigitalan, peralihan ini memerlukan modal, masa dan tenaga kerja mahir yang masih langka."

"FMM sekali lagi menyatakan sokongannya terhadap Dasar Gaji

Progresif yang bersifat sukarela dan berkaitan dengan produktiviti, menggalakkan pertumbuhan gaji sejajar dengan peningkatan kemahiran dan prestasi yang boleh diukur, dan bukan kenaikan gaji secara arbitrari.

"Dasar Gaji Progresif yang mesra perniagaan dan sukarela, berasaskan metrik prestasi yang jelas, akan mendapat sokongan pengilang dan memastikan kenaikan gaji adalah mampan serta sejajar dengan keupayaan pekerja," katanya.

Trend peningkatan gaji

FMM mengalu-alukan statistik gaji terkini dikeluarkan oleh DOSM, yang mengesahkan trend peningkatan gaji yang jelas dan berterusan dalam sektor formal di Malaysia, khususnya dalam sek-

tor pembuatan.

Sebagai perbandingan, purata gaji bulanan merentasi semua sektor formal adalah RM3,441 pada suku keempat 2024, menunjukkan bahawa gaji dalam sektor pembuatan terus mengatasi purata kebangsaan.

Selain itu, jumlah gaji yang dibayar dalam sektor pembuatan meningkat kepada RM8.31 bilion pada April 2025, mencatat peningkatan tahunan sebanyak 2.4 peratus.

Gaji median dalam semua sektor formal direkodkan pada RM3,045, manakala gaji median sektor pembuatan berada dalam julat RM2,764 hingga RM3,052, jauh melebihi gaji minimum nasional iaitu RM1,700.

Kadar pengangguran Malaysia juga kekal rendah iaitu 3.0 peratus pada April 2025, menunjukkan keadaan guna tenaga penuh.